

**D.R. 14/95**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit (Pindaan) 1995. Tajuk ringkas.
  
2. Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan am. Akta 101.
  - (a) dengan memotong perkataan "Angkatan Tentera" di mana-mana jua terdapat di dalamnya kecuali dalam tajuk panjang, tajuk ringkas, takrif "Lembaga" dalam seksyen 2 dan dalam tajuk kepada Bahagian II;
  - (b) dengan memotong perkataan "dan Tabung Bekas Perajurit" dan "atau Tabung Bekas Perajurit" di mana-mana jua terdapat di dalamnya;
  - (c) dengan menggantikan perkataan "Pengurus Besar" di mana-mana jua terdapat di dalamnya dengan perkataan "Ketua Eksekutif" ; dan

- (d) dengan menggantikan perkataan "angkatan tentera tetap"<sup>1</sup> di mana-mana jua terdapat di dalamnya dengan perkataan "angkatan tetap".

Pindaan  
tajuk  
panjang.

- 3.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan tajuk panjang dengan tajuk panjang yang berikut:

"Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Tabung Angkatan Tentera bagi maksud-maksud utama mengadakan faedah-faedah persaraan dan lain-lain faedah bagi pencarum, dan bagi maksud-maksud sampingan menggalakkan pembangunan sosio ekonomi dan kebajikan, dan menyediakan lain-lain faedah bagi, personel akan bersara dan personel bersara angkatan tetap Malaysia."

Pindaan  
tajuk  
ringkas.

- 4.** Tajuk ringkas Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "dan Tabung Bekas Perajurit".

Pindaan  
seksyen 2.

- 5.** Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan noktah yang terdapat di hujung takrif "skim itu" dengan koma bertitik dan memasukkan selepasnya takrif yang berikut:

' "Tabung" ertinya Tabung Angkatan Tentera yang ditubuhkan di bawah seksyen 3.'

Pindaan  
tajuk kepada  
Bahagian II.

- 6.** Tajuk kepada Bahagian II adalah dipinda dengan memotong perkataan "DAN TABUNG BEKAS PERAJURIT".

Pindaan  
seksyen 3.

- 7.** Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda —

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Adalah dengan ini ditubuhkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai "Tabung Angkatan Tentera" (kemudian daripada ini

disebut "Tabung") bagi maksud-maksud yang berikut :

- (a) bagi maksud-maksud utama mengadakan faedah-faedah persaraan dan lain-lain faedah termasuk faedah-faedah di bawah skim yang ditubuhkan di bawah seksyen 15A, kepada orang-orang yang dinyatakan di bawah subseksyen (3)(a); dan
- (b) bagi maksud-maksud sampingan menggalakkan pembangunan sosio ekonomi dan kebajikan orang-orang yang dinyatakan di bawah subseksyen (3)(b).

(1A) Yang berikut hendaklah dibayar ke dalam Tabung:

- (a) semua caruman yang dibayar sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini dan apa-apa jumlah wang lain sebagaimana yang diarahkan oleh Akta ini untuk dibayar ke dalam Tabung;
- (b) semua wang yang didapati daripada pelaburan atau melalui pengendalian sesuatu projek, agensi, skim atau enterpris yang dibiayai daripada Tabung dan Kumpulan Wang Rizab yang ditubuhkan di bawah seksyen 11;
- (bb) suatu pemberian tahunan daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan bagi maksud-maksud dan perkara-perkara sampingan yang berhubungan dengannya di bawah subseksyen (1)(b);

- (c) semua pemberian, derma, endowmen, hadiah, pinjaman, caruman dan pemberian wasiat yang diberi kepada atau untuk Tabung ;
  - (d) semua jumlah wang yang dari semasa ke semasa genap masanya dibayar kepada Tabung berkenaan dengan pembayaran bagi sesuatu pinjaman yang telah diberi daripada Tabung dan bunga yang kena dibayar berkenaan dengan sesuatu pinjaman itu;
  - (e) wang yang didapati atau timbul daripada sesuatu harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak pada Tabung;
  - (f) semua jumlah wang lain yang boleh dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar atau terletak pada Tabung berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya.";
- (b) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perenggan (ba) perenggan yang berikut:
- "(bb) aktiviti-aktiviti sosio ekonomi, program-program kebajikan dan apa-apa aktiviti dan faedah lain yang boleh meningkatkan keadaan sosio ekonomi mana-mana personel akan bersara atau personel bersara, termasuk pinjaman kepada personel-personel itu;

- (be) membiayai perbelanjaan yang dilakukan oleh Lembaga atau mana-mana badan lain termasuk suatu perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 23, yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab untuk menjalankan aktiviti-aktiviti, program-program atau faedah-faedah yang disebutkan dalam perenggan (bb);" dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) faedah persaraan dan lain-lain faedah termasuk faedah di bawah skim yang ditubuhkan di bawah seksyen 15A hendaklah dibayar kepada—
- (i) askar-lasykar; dan
- (ii) lain-lain anggota angkatan tetap Malaysia yang mencarum kepada Tabung;
- (b) faedah-faedah sampingan hendaklah dibayar kepada—
- (i) personel akan bersara; dan
- (ii) personel bersara,

angkatan tetap Malaysia.

- (4) Lembaga hanya boleh menggunakan apa-apa wang daripada Tabung bagi maksud-maksud yang disebutkan dalam subseksyen (1)(b), (2)(bb) dan (bc) jika Lembaga telah menggunakan wang yang disebutkan dalam subseksyen (1A)(bb) dan jika terdapat jumlah wang yang mencukupi untuk menunaikan obligasinya di bawah seksyen 11."

- Pemotongan seksyen 3A. **8.** Seksyen 3A Akta ibu adalah dipotong.
- Pindaan seksyen 5. **9.** Seksyen 5(3) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Angkatan Tentera atau Tabung Bekas Perajurit itu segala bayaran dan perbelanjaan yang dilakukan masing-masingnya di bawah seksyen 3 atau 3A" dengan perkataan "semua caj dan perbelanjaan yang dilakukan sedemikian".
- Pindaan seksyen 6. **10.** Seksyen 6(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "Angkatan Tentera, Tabung Bekas Perajurit".
- Pindaan seksyen 15. **11.** Seksyen 15(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "Angkatan Tentera, Tabung Bekas Perajurit".
- Pindaan seksyen 22. **12.** Perenggan (*ga*) seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "Bekas Perajurit".
- Pemindahan hak harta dan tanggungan. peruntukan pengecualian dan peralihan. **13.** (1) Pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, Tabung Bekas Perajurit yang ditubuhkan di bawah seksyen 3A Akta ibu hendaklah digulung dan semua hak harta dan tanggungan yang menjadi hak atau tertakluk kepada Tabung itu hendaklah menurut seksyen ini menjadi hak harta dan tanggungan Tabung Angkatan Tentera melalui kuatkuasa undang-undang tanpa apa-apa keperluan untuk memberi apa-apa notis kepada mana-mana pihak yang terlibat dengan pemindahan ini.
- (2) Pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, perbadanan, syarikat dan aktiviti dan akujanji perniagaan dan komersial dan juga apa-apa jua hak harta lain dan tanggungan yang ditubuhkan, diakujanjikan, diperolehi atau terakru di bawah Tabung Bekas Perajurit hendaklah melalui kuatkuasa undang-undang disifatkan telah ditubuhkan dan diakujanji oleh Tabung Angkatan Tentera dan hendaklah terus berkuatkuasa di bawah Tabung Angkatan Tentera itu.

(3) Penukaran nama Akta ini tidaklah—

- (a) menyentuh sebutan mengenai Tabung Angkatan Tentera atau Tabung Bekas Perajurit dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, dokumen, bon, perjanjian atau perkiraan pengusahaan yang wujud sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa; atau
- (b) menyentuh apa-apa hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Lembaga Tabung Angkatan Tentera, atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya, dan apa-apa prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadapnya sebelum Akta ini mula berkuatkuasa boleh diteruskan atau dimulakan sedemikian.

(4) Semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ibu sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini disifatkan telah dibuat di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini, dan hendaklah terus berkuatkuasa sehingga dipinda atau dibatalkan di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini, dan bagi maksud ini, apa-apa sebutan mengenai Tabung Bekas Perajurit adalah dengan ini dibatalkan dan disifatkan sebagai suatu sebutan mengenai Tabung Angkatan Tentera dan apa-apa sebutan mengenai seksyen 3A adalah dengan ini dibatalkan dan disifatkan sebagai sebutan mengenai seksyen 3.

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973 ("Akta").

2. *Fasal 1* adalah mengenai tajuk ringkas Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan memasukkan takrif perkataan "Tabung ". Ini adalah bersesuaian kerana Tabung Bekas Perajurit telah digulung dan kini hanya terdapat satu tabung.
4. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 3 Akta dengan menggantikan subseksyen 3(1) dengan suatu subseksyen baru (1) dan memasukkan subseksyen baru (1A), (3) dan (4).

Subseksyen 3(1) baru mengadakan peruntukan bagi penubuhan satu tabung yang dikenali sebagai "Tabung Angkatan Tentera" (kemudian daripada ini disebut "Tabung") yang akan menggantikan "Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit". Tabung tunggal ini mempunyai maksud-maksud utama dan maksud sampingan. Maksud utama Tabung mengekalkan maksud yang sedia ada bagi Tabung Angkatan Tentera yang merupakan peruntukan faedah persaraan dan lain-lain faedah kepada anggota angkatan tetap yang adalah pencarum kepada Tabung itu. Maksud sampingan adalah untuk menggalakkan pembangunan sosio ekonomi dan kebajikan personel akan bersara dan personel bersara angkatan tetap Malaysia.

Subseksyen baru (1A) mengadakan peruntukan bagi sumber kewangan Tabung. Ia termasuklah suatu sumber baru, iaitu suatu pemberian tahunan daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan. Sumber kewangan ini dicadang untuk digunakan terhadap semua aktiviti yang berkaitan dengan maksud sampingan Tabung termasuk, untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran dan lain-lain perbelanjaan yang dilakukan oleh Lembaga atau mana-mana badan lain yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab untuk menjalankan aktiviti bagi maksud sampingan Tabung.

Subseksyen baru (4) bertujuan memperuntukkan bahawa Lembaga hanya boleh menggunakan lain-lain wang daripada Tabung bagi maksud sampingan Tabung selepas ia terlebih dahulu menggunakan wang daripada pemberian tahunan, dan jika terdapat wang yang mencukupi untuk Lembaga menunaikan obligasinya berkenaan dengan maksud utama, termasuk suatu perisytiharan tentang kadar tahunan keuntungan bagi kumpulan wang persaraan.

5. *Fasal 8* bertujuan memotong seksyen 3A Akta. Seksyen 3A Akta yang menubuhkan Tabung Bekas Perajurit, tidak lagi perlu kerana maksudnya sekarang ini dipindahkan kepada Tabung Angkatan Tentera.
6. *Fasal 13* mengadakan peruntukan bagi pemindahan hak harta dan tanggungan, kecualian dan peruntukan peralihan yang berlaku disebabkan oleh penggulungan Tabung Bekas Perajurit.

7. Lain-lain pindaan yang dicadangkan kepada Akta yang tidak disebut secara khusus adalah dari jenis yang berbangkit atau kecil dan adalah perlu kerana penggulungan Tabung Bekas Perajurit.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1872.]